

Sinar Harian - KWSP Nafi Gangguan Operasi

 Selasa, Feb 20 2018

KWSP nafi gangguan operasi

SH 20/2



TULAR di media sosial satu kenyataan yang didakwa sebagai rasmi mengenai urusan berkaitan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tergendala enam bulan disebabkan kerja-kerja pemulihan.

Ia susulan kebakaran pejabatnya di Jalan Gasing, Petaling Jaya, Selangor, pada 13 Februari lalu.

Berdasarkan kenyataan itu, sepanjang tempoh tersebut, ahli dikatakan tidak boleh membuat sebarang urusan pengeluaran KWSP.

Official Announcement:

KWSP system will be down for 6 months due to restoration works caused by mysterious fire. No withdrawals can be made during this period. Sincere apologies for any inconvenience caused.

官方声明:

KWSP系统将因神秘火灾引起的修复工作中断6个月。在此期间不能提款。对造成的任何不便表示诚挚的歉意。

15:58



KWSP dalam satu kenyataan menjelaskan, dakwaan yang tular itu tidak benar.

Menurut kenyataan itu, KWSP memberi jaminan tiada gangguan operasi berlaku, sebaliknya semua berjalan seperti biasa.

“Bagaimanapun, cawangan KWSP Petaling Jaya ditutup buat sementara waktu dan ahli boleh melakukan transaksi di mana-mana cawangan lain atau menerusi I-Akaun,” katanya.

Sementara itu, KWSP turut memberi jaminan maklumat ahli dalam keadaan selamat kerana ‘data server’ berada di lokasi selamat yang disokong oleh proses ‘backup’ dan pemulihan bertaraf dunia.